

SINAR HARIAN MALAYSIA – 17 USAHAWAN BiCEP TERIMA GERAN

17 September 2020

Kategori	: Kejawatan Staff	Sub-Kategori	: Keusahawanan
Peringkat	: Kebangsaan	Bahagian	: ICAEN
Pelapor	:		
Tempat	: Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.		
Penganjur	: CIMB Islamic Bank Bhd		
Penglibatan/Kerjasama :	Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), CIMB Islamic Banking Bhd dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda)		

Keterangan Program :

Program keusahawanan Felda Bilut-CIMB (BiCEP) yang dikendalikan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) bertujuan memberi pendedahan kepada usahawan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk menjalankan perniagaan secara formal. CIMB Bank Islamic, Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) Uitm dan Felda telah menyampaikan 17 geran keusahawanan bernilai RM250,000 kepada peserta yang terpilih ke peringkat akhir program. BiCEP juga adalah penyelesaian bagi masalah capaian kepada institusi kewangan untuk mendapatkan modal apabila CIMB Islamic menawarkan untuk membiayai program ini melalui pelaksanaan tanggungjawab social korporat mereka. Majlis Penyerahan Geran Peserta BiCEP disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Banking, Ahmad Shahrman Mohd Shariff, turut serta hadir, Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr. Mohd Azraai Kasim, Pengarah Urusan Felda, Datuk Dr Othman Omar, Dekan FKA, Profesor Dr. Zakiah Ahmad dan Datuk Bandaraya Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin.

Pencapaian : -

